

ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK TERHADAP SEKURITI MAKANAN *HALALAN TAYYIBAN*: KAJIAN KES DI DAERAH KOTA KINABALU, SABAH

SYSTEMATIC LITERATURE ANALYSIS ON *HALALAN TAYYIBAN* FOOD SECURITY: A CASE STUDY IN KOTA KINABALU, SABAH

Azira Asung¹
Syamsul Azizul Marinsah^{2*}
Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin³

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mail: aziraasung@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mail: syamsulazizul@ums.edu.my)

*Corresponding Author

³Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
(E-mail: mnhidayath_h@ums.edu.my)

Article history

Received date : 29-8-2024
Revised date : 30-8-2024
Accepted date : 27-9-2024
Published date : 30-9-2024

To cite this document:

Asung, A., Marinsah, S. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2024). Analisis literatur sistematik terhadap sekuriti makanan *halalan tayyiban*: Kajian kes di daerah Kota Kinabalu, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 377 – 387.

Abstrak: Isu mengenai sekuriti makanan ini menjadi antara isu yang hangat dibicarakan secara global tidak terkecuali di Malaysia kerana fungsinya menjadi kayu ukur kepada pembangunan sesebuah negara. Namun, Malaysia yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan memperkenalkan konsep yang bertepatan dengan perlembagaan iaitu sekuriti makanan yang berlandaskan *halalan tayyiban*. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis pengukuhan sekuriti makanan *halalan tayyiban* di Malaysia khususnya di Kota Kinabalu, Sabah menggunakan analisis literatur sistematik. PRISMA digunakan sebagai kaedah bagi memproses literatur yang diperolehi daripada dua pangkalan data iaitu MyJurnal dan Scopus dengan mengambil kira 10 tahun penerbitan dari tahun 2015 hingga tahun 2024. Setelah melakukan proses saringan dan kelayakan, sebanyak 72 buah artikel yang layak untuk disintesis secara kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa perlu dilakukan gesaan bagi mewajibkan pensijilan halal kepada pemain industri makanan dan pengusaha makanan dalam langkah untuk memastikan keterjaminan sekuriti makanan *halalan tayyiban*. Diharapkan kajian ini boleh dijadikan rujukan bagi para pengkaji dan pihak autoriti dalam usaha untuk mengukuhkan sekuriti makanan *halalan tayyiban* khususnya di Kota Kinabalu, Sabah.

Kata Kunci: Sekuriti Makanan, *Halalan Tayyiban*, Sabah.

Abstract: The issue of food security is one of the hotly debated issues globally, not least in Malaysia because it functions as an indicator for the development of a country. However, Malaysia, which made Islam as the official religion of the federation, introduced a concept that

coincides with the constitution, which is food security based on halal tayyiban. Therefore, this study was carried out to analyze the strengthening of halal tayyiban food security in Malaysia, especially in Kota Kinabalu, Sabah using systematic literature analysis. PRISMA is used as a method to process the literature obtained from two databases, which is MyJurnal and Scopus, considering 10 years of publication from 2015 to 2024. After going through the screening and qualification process, a total of 72 articles qualified for qualitative synthesis. The results of the study found that there is a need to call for halal certification to be mandatory for food industry players and food operators in steps to ensure the halal tayyiban food security. It is hoped that this study can be used as a reference for researchers and authorities to strengthen halal tayyiban food security, especially in Kota Kinabalu, Sabah.

Keywords: *Food Security, Halalan Tayyiban, Sabah.*

Pendahuluan

Sekuriti makanan yang mapan merupakan aspek yang penting kepada sesebuah negara. Setiap negara yang maju dan membangun perlu memastikan sekuriti makanan di dalam negara tersebut kukuh dan terjamin bagi penduduknya kerana akan menjadi kayu ukur kepada pembangunan negara (Norzuraida, 2018). Hal ini menjadikan isu mengenai sekuriti makanan ini menjadi antara isu yang hangat dibicarakan secara global tidak terkecuali di Malaysia. Kewujudan FAO menjadikan organisasi tersebut sebagai penaung utama sekuriti makanan dunia melalui standard dan dimensi yang dikeluarkannya sehingga menjadi rujukan kepada semua negara yang bernaung dibawah PBB bertepatan dengan matlamat pertama dan kedua yang terdapat dalam Sustainable Development Goals (SDG) yang ingin membanteras kemiskinan serta kelaparan (United Nations, 2018). Malaysia yang menjadi anggota PBB dan dalam masa yang sama mengangkat agama Islam sebagai agama rasmi negara ingin memperkenalkan satu konsep yang selari dengan perundangannya iaitu sekuriti makanan halal tayyiban (Standards Malaysia, 2021). Kewajipan pengambilan makanan yang halal tayyiban dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

(Surah al-Baqarah, 2: 168)

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Berdasarkan kepada ayat tersebut, lafaz amr pada kalimah *كُلُوا* membawa kepada hukum wajib (Asmak, 2009). Hal ini menunjukkan bahawa orang Islam wajib mengambil makanan yang berasal daripada sumber yang halal dan tayyibah selain mengambilkira khasiat yang diperolehi melalui pengambilan sesuatu makanan (Setiyawan et. al., 2022). Namun begitu, Islam turut memberikan pengecualian atau kelonggaran kepada umatnya terutama sekali dalam keadaan darurat yang mana tidak terdapat pilihan selain daripada mengambil makanan yang diharamkan (Muhammad Iqbal & Kamarul, 2022) seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 173:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَحُمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَ بِهِ لَعِيرِ اللَّهِ ۖ فَمَنْ أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ
فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

(Surah al-Baqarah, 2: 173)

Terjemahan: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Oleh itu, penerapan sekuriti makanan yang berkonsepkan halalan tayyiban bukan bertujuan untuk membebaskan orang Islam tetapi sebaliknya ingin melahirkan seorang muslim yang sejati berlandaskan syarak (Mohammad Amir, 2016). Di Malaysia khususnya, pengurusan halal diberikan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui pemberian Pensijilan Halal Malaysia. Walau bagaimanapun, pemilikan pensijilan tersebut adalah pilihan kepada pengusaha makanan (Khairul Anuwar et. al., 2017). Hal ini menyebabkan berlakunya kelompangan dalam memastikan keterjaminan makanan yang berkonsepkan *halalan tayyiban*.


Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan tinjauan literatur sistematik (systematic literature review) sebagai kaedah kajian. Menurut Lame (2019), tinjauan literatur sistematik merupakan salah satu cara untuk mensintesis bukti-bukti saintifik bagi menjawab persoalan kajian dengan lebih telus melalui bukti-bukti penerbitan berkaitan sesebuah topik dan menilai kualiti bukti tersebut. Bukan itu sahaja, kaedah ini juga boleh mengelakkan bias dalam kajian disebabkan oleh proses yang jelas dan sistematik (Liberati et. al., 2009). Oleh itu, pangkalan data yang digunakan bagi carian literatur adalah MyJurnal dan Scopus.

Justifikasi kepada pemilihan ini adalah berdasarkan kepada kesahan penerbitan yang mana MyJurnal merupakan sebuah sistem secara atas talian yang mengumpul dan mengindeks semua jurnal di Malaysia dibawah kendalian Kementerian Pengajian Tinggi bersama Pusat Sitasi dan Infometriks (MyJurnal, 2024). Manakala Scopus pula merupakan pangkalan data yang terbesar mengandungi lebih daripada 14,000 jurnal berindeks dari seluruh dunia (Judy, 2006). Dalam masa yang sama, Scopus merupakan pangkalan data terbesar yang diakui secara global dan MyJurnal pula memberikan fokus kepada jurnal-jurnal tempatan yang lebih relevan dengan konteks Malaysia. Melalui dua pangkalan data ini, kajian yang dilakukan akan lebih seimbang dengan melihat perspektif antarabangsa dan tempatan bagi mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif dengan konteks kajian.

Pencarian literatur adalah berpandukan kepada kata kunci yang utama berkaitan dengan tajuk agar mendapatkan hasil carian yang relevan daripada pangkalan data (Afaf et. al., 2022). Oleh itu, kata kunci yang digunakan dalam kajian ini adalah “sekuriti makanan” atau “food security” dalam pangkalan data MyJurnal dan Scopus. Contoh carian kata kunci dalam kedua-dua pangkalan data ditunjukkan dalam Rajah 1 dan 2.

Rajah 1: Contoh Carian Kata Kunci dalam MyJurnal



Rajah 2: Contoh Carian Kata Kunci dalam Scopus

Enter query string


TITLE-ABS-KEY(food security) AND PUBYEAR > 2013 AND PUBYEAR < 2025 AND AFFILCOUNTRY(malaysia) AND SRCTYPE(j) AND DOCTYPE(ar)

Berdasarkan rajah tersebut, penggunaan rentetan pertanyaan (query string) terutamanya dalam pangkalan data Scopus akan memberikan kelebihan bagi mendapatkan hasil carian yang lebih relevan. Hal ini kerana, pencarian literatur dihadkan kepada 10 tahun terkini iaitu dari tahun 2015 hingga tahun 2024 dan hanya berfokus kepada kajian yang dijalankan di Malaysia. Hasil pencarian awal menggunakan kata kunci “sekuriti makanan” atau “food security” telah mendapatkan sejumlah 818 buah artikel di pangkalan data Scopus dan 154 buah artikel di pangkalan data MyJurnal menjadikan jumlah keseluruhan artikel yang ditemui adalah sebanyak 972 buah artikel.

Jadual 1: Kriteria Penerimaan dan Penolakan Pencarian Literatur

Aspek Kriteria	Penerimaan (<i>Inclusion</i>)	Pengecualian (<i>Exclusion</i>)
Jenis Literatur	Artikel Jurnal	Bab dalam buku, ulasan artikel, kertas kerja persidangan dan disertasi
Bahasa	Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris	Selain daripada Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
Negara	Malaysia	Selain Negara Malaysia
Tempoh Penerbitan	2014 – 2024 (10 tahun terkini)	< 2014 (melebihi 10 tahun terkini)

Selepas melakukan pencarian awal, kesemua artikel yang ditemui kemudiannya direkodkan di dalam Microsoft Excel. Hal ini bagi memudahkan pengesanan sekiranya terdapat pengulangan atau pertindihan artikel di dalam pangkalan data yang digunakan. Hasil mendapati bahawa terdapat pengulangan artikel di dalam pangkalan data MyJurnal iaitu sebanyak 4 buah artikel yang berulang. Jumlah tersebut menjadikan jumlah akhir daripada pangkalan data Scopus dan MyJurnal yang akan melalui proses saringan adalah sebanyak 970 buah artikel. Walau bagaimanapun, pada proses saringan sebanyak 846 buah artikel dikeluarkan kerana tidak menepati kriteria penerimaan pencarian literatur seperti yang dinyatakan di Jadual 1. Seterusnya, pada proses kelayakan pula sebanyak 124 buah artikel disaring untuk dinilai dan akhirnya hanya 72 buah artikel sahaja yang akan disintesis secara kualitatif kerana sebanyak 52 buah artikel berada diluar topik. Proses penilaian artikel menggunakan kaedah PRISMA seperti dibawah:



Hasil Kajian

Jumlah Penerbitan

Hasil carian awal menggunakan kata kunci dalam pangkalan data MyJurnal dan Scopus mendapatkan sejumlah 970 buah artikel seperti berikut:

Jadual 2: Jumlah Artikel daripada MyJurnal dan Scopus

Bil.	Kata Kunci	MyJurnal	Scopus	Jumlah	Peratus (%)
1.	Sekuriti Makanan	13	0	13	1.34
2.	Food security	147	781	928	95.67
3.	<i>Halalan tayyiban</i>	29	0	29	2.99
Jumlah		189	781	970	100%

Namun begitu, melalui proses saringan sebanyak 846 buah artikel telah dikeluarkan kerana tidak menepati kriteria yang digariskan. Seterusnya pada proses kelayakan pula telah mengeluarkan 52 buah artikel kerana berada diluar topik. Hasil akhir mendapati hanya terdapat 72 buah artikel yang layak untuk disentesis secara kualitatif.

Jadual 3: Jumlah Artikel Disentesis Secara Kualitatif

Bil.	Tahun Penerbitan	Bilangan Penerbitan		Jumlah	Peratus
		MyJurnal	Scopus		
1.	2024	2	1	3	4.17
2.	2023	5	4	9	12.5
3.	2022	11	3	14	19.44
4.	2021	9	3	12	16.67
5.	2020	7	2	9	12.5
6.	2019	2	5	7	9.72
7.	2018	5	0	5	6.94
8.	2017	4	3	7	9.72
9.	2016	2	1	3	4.17
10.	2015	2	1	3	4.17
Jumlah		49	23	72	100%

Jumlah Artikel Mengikut Bilangan Penulis

Kemudiannya, artikel yang akan disentesis secara kualitatif dinilai melalui bilangan penulis yang terlibat dalam menghasilkan sebuah artikel. Terdapat 4 kategori bilangan penulis yang direkod dan dinilai iaitu:

- i. Seorang;
- ii. Dua orang;
- iii. Tiga orang;
- iv. Empat orang atau lebih.

Jadual 4: Bilangan Penulis Artikel Dalam MyJurnal

Bil.	Bilangan Penulis	Bilangan Artikel (MyJurnal)	Peratus
1.	Seorang	4	8.16
2.	Dua Orang	20	40.82
3.	Tiga Orang	12	24.49
4.	Empat orang atau lebih	13	26.53
Jumlah		49	100%

Melalui Jadual 4, dapat dilihat bahawa bilangan penulis dalam artikel yang diterbitkan dalam MyJurnal merekodkan dua orang penulis sebagai jumlah tertinggi (40.82%), diikuti dengan empat orang atau lebih (26.53%) dan tiga orang penulis (24.49%). Akhir sekali adalah artikel dengan seorang penulis iaitu jumlah yang paling rendah (8.16%).

Jadual 5: Bilangan Penulis Artikel Dalam Scopus

Bil.	Bilangan Penulis	Bilangan Artikel (Scopus)	Peratus
1.	Seorang	1	4.35
2.	Dua Orang	6	26.09
3.	Tiga Orang	5	21.74
4.	Empat orang atau lebih	11	47.82
Jumlah		23	100%

Manakala, Scopus pula merekodkan bilangan penulis empat orang atau lebih sebagai jumlah paling banyak iaitu 11 buah artikel bersamaan dengan 47.82%, diikuti dengan dua orang penulis (26.09%) dan tiga orang penulis (21.74%). Artikel dengan seorang penulis pula hanya terdapat satu sahaja (4.35%).

Perbincangan

Sekuriti makanan menurut *World Food Summit* (1996) adalah situasi yang wujud apabila semua orang pada setiap masa mempunyai akses fizikal dan ekonomi kepada makanan yang mencukup, selamat dan bernutrisi yang memenuhi keperluan det untuk hidup sihat dan aktif. Berdasarkan kepada takrifan tersebut, FAO (2006) telah membentuk empat dimensi utama dalam sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan. Ketersediaan merujuk kepada bekalan makanan yang sedia ada dan sumber nutrisi yang boleh didapati secara fizikal melalui pengeluaran dan perdagangan domestik. Manakala akses pula adalah kemampuan isi rumah atau individu untuk mendapatkan makanan yang ada. Seterusnya adalah penggunaan yang merangkumi kaedah pemprosesan dan penyediaan. Dimensi yang terakhir iaitu kestabilan pula merupakan satu dimensi yang berlaku secara sementara dalam sekuriti makanan mencakupi kebolehan untuk berdepan dengan keadaan diluar jangka serta keupayaan untuk pulih daripada keadaan tersebut (Elena et al., 2017).

Manakala sekuriti makanan dalam Bahasa arab pula dikenali sebagai *al-Amn al-Ghidhdha'i* yang mana *al-Amn* membawa maksud ketiadaan ketakutan serta jaminan dan keselamatan dan *al-ghidhdha'i* pula adalah apa sahaja yang boleh dimakan atau dijadikan makanan dan minuman oleh manusia (Ahmad Subhi, 1999). Oleh itu, frasa sekuriti makanan dalam aspek ini merujuk kepada keadaan untuk mendapatkan makanan tanpa rasa takut. Meskipun terma sekuriti makanan mula digunakan selepas perang dunia pertama (Simon, 2012), namun konsep tersebut telah terkandung didalam al-Quran (Ahmed Saud, 2020) melalui kisah Nabi Yusuf di Surah Yusuf (Samsul Bahri et. al., 2020). Kisah tersebut telah menjelaskan langkah yang perlu diambil sekiranya berlaku perkara yang mengancam sekuriti makanan sesebuah negara yang terdapat di dalam ayat 47 hingga 49 (Beta Pujangga, 2019).

Malaysia yang menjadikan beras sebagai makanan ruji telah berdepan dengan masalah yang besar apabila berlaku perubahan dalam dasar negara iaitu dasar pertanian kepada dasar perindustrian. Kajian Zahrul Akmal & Ahmad Murtadha (2015) mendapati bahawa tanah pertanian semakin berkurangan kerana sebahagian besar tanah telah digunakan untuk aktiviti perindustrian. Meskipun begitu, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan seperti penghasilan dasar pertanian dan makanan. Namun, sekuriti makanan di Malaysia khususnya masih berada ditahap yang lemah (Fakhrul & Chua, 2021). Perkara ini menjadikan Malaysia mempunyai masalah sara diri terhadap beras sehingga pada akhirnya bergantung kepada import (Mario, 2021). Oleh itu, Malaysia memerlukan kepada dasar yang lebih mapan dalam menyelesaikan masalah sekuriti makanan yang dihadapi.

Tambahan pula, Islam yang menjadi agama rasmi Malaysia sangat menekankan pengambilan makanan yang *halalan tayyiban* dalam pembentukan jati diri. Oleh itu, sekuriti makanan dalam Islam pula didefinisikan sebagai akses yang cukup untuk hidup sihat kepada makanan halal dan tayyiban kepada semua orang (Asmak, 2009). Berdasarkan kajian Noorfazreen & Asmak (2011), sekuriti makanan dalam Islam mengambilkira dan mengadaptasikan empat dimensi yang digariskan oleh FAO tetapi dalam masa yang sama menekankan aspek *halalan tayyiban* sehingga membawa kepada penghasilan konsep baharu yang lebih jelas iaitu sekuriti makanan *halalan tayyiban*. Konsep tersebut bukan sahaja berpandukan kepada empat dimensi utama sekuriti makanan tetapi turut memastikan makanan yang tersedia halal dan mendatangkan kemanfaatan kepada pengguna dari segi rohani dan jasmani.

Dalam usaha bagi membendung masalah kebuluran, penyelesaian masalah seringkali hanya menumpukan kepada aspek makanan tanpa melihat kepada aspek sekuriti itu sendiri. Berdasarkan kajian Jinli et. al. (2022), berlaku pertambahan yang ketara dalam jumlah penyakit yang berpunca daripada pemakanan iaitu obesiti dan diebetis serta masalah kekurangan nutrisi di Afrika (Owolade et. al., 2022). Perkara ini menunjukkan bahawa wujud ketersediaan dan akses kepada makanan tetapi makanan tersebut tidak memenuhi keperluan diet bagi memastikan seseorang untuk hidup dalam keadaan sihat dan aktif. Situasi tersebut memberikan gambaran bahawa konsep sekuriti makanan tidak dapat diaplikasikan dengan jayanya. Oleh itu, makanan yang tersedia perlu memenuhi aspek keselamatan dan kemanfaatan yang ditekankan dalam elemen tayyib.

Terdapat perundangan dan standard yang menjadi rujukan dan panduan dalam menghasilkan makanan *halalan tayyiban* di Malaysia. Setiap makanan yang disediakan dari ladang ke meja makan terikat dengan perundangan dan standard tersebut. Berdasarkan kajian Sazelin & Safiah (2015); Mohd Amri (2019); Suhaila et. al. (2020); Setiyawan et. al. (2022); Nurul Syahadah et. al. (2022) serta Khairul Effendi et. al. (2022), pensijilan halal yang dilakukan oleh JAKIM telah mematuhi dan memenuhi kesemua perundangan dan standard tersebut sekaligus menjadi kayu ukur kepada penghasilan makanan *halalan tayyiban*. Walau bagaimanapun, pensijilan ini tidak diwajibkan kepada semua pengusaha makanan sehingga menjadikan industri makanan halal sedikit goyah disebabkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab enggan untuk memohon pensijilan halal kerana dikhuatiri akan menjejaskan proses penghasilan makanan dengan pengawalan yang ketat. Maka, makanan yang berada di pasaran dan restoran-restoran akan mudah diragui jika tidak terdapat logo dan pensijilan halal.

Akibat daripada tidak mewajibkan pensijilan halal kepada pengusaha makanan telah mewujudkan pelbagai istilah baru yang digunakan bagi mempromosikan makanan yang tidak memiliki sijil halal. Berdasarkan kajian Fatimah et. al. (2021), antara istilah tersebut adalah “no pork, no lard, no alcohol”. Penggunaan istilah tersebut bagi menunjukkan kepada pengguna bahawa makanan yang disediakan tidak mengandungi unsur yang diharamkan dalam Islam sekaligus halal untuk dimakan. Namun, cara pemprosesan dan penyeliaan peralatan tidak dapat diketahui statusnya (R. Tanzil & Ashfa, 2022) kerana tiada pihak yang mengesahkan bahawa aspek tersebut memenuhi piawaian halal dalam Islam. Oleh itu, pengguna perlu lebih bijak dalam memilih makanan yang ingin dimakan dalam rangka untuk memastikan pengambilan makanan tersebut bertepatan dengan syariat Islam.

Gesaan bagi mewajibkan pensijilan halal kepada pemain industri makanan dan pengusaha makanan perlu dilaksanakan bagi memastikan keterjaminan sekuriti makanan *halalan tayyiban*. Hal ini kerana, pematuhan kepada perundangan dan standard yang terkandung didalam

pensijilan halal bukan sahaja menghasilkan makanan yang halal tetapi turut memastikan kualiti, keselamatan dan kemanfaatan makanan sentiasa terjaga. Kebaikan ini meliputi setiap golongan masyarakat tanpa mengira agama kerana makanan yang berkhasiat akan menghasilkan tubuh badan yang sihat dan bertenaga untuk melakukan aktiviti seharian.

Penutup

Berdasarkan kepada analisis literatur sistematik yang telah dijalankan, didapati bahawa isu sekuriti makanan sentiasa menjadi perhatian para penyelidik. Terutama sekali apabila berlaku sesuatu perkara yang dapat menggugat tahap sekuriti makanan sesebuah negeri seperti pandemik Covid-19. Hal ini kerana, dapat dilihat berlaku trend kenaikan penerbitan pada tahun 2022 yang majoriti kajian adalah mengenai sekuriti makanan dan kaitannya dengan Covid-19. Meskipun begitu, setakat ini hanya sedikit kajian yang melibatkan negeri Sabah. Tambahan pula, hanya terdapat satu sahaja kajian yang menyentuh sekuriti makanan *halalan tayyiban* secara khusus dari sudut maqasid syariah. Oleh itu, kajian mengenai sekuriti makanan *halalan tayyiban* di Sabah khususnya di Kota Kinabalu adalah penting sebagai rujukan kepada masyarakat dan pihak autoriti terutamanya pihak MUIS dalam usaha untuk membangunkan hab halal di Sabah.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada universiti malaysia sabah menerusi Skim Dana Khas, Kod Projek (SDK0337-2022) yang telah membiayai penyelidikan ini

Rujukan

- Afaf Sukari, Azman Ab Rahman, Syed Mohd Najib Syed Omar & Setiyawan Gunardi. 2022. Analisis Literatur Sistematik Terhadap Peranan Penggunaan Logo Zakat Dalam Meningkatkan Kutipan Zakat Korporat di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4).
- Ahmad Subbhi Ahmad Mustafa. 1999. *Al-Amn Al-Ghizai fi al-Islam*. Amman: Dar al-Nafais.
- Ahmed Saud Zaid Al Muhana. 2020. Food Security In The Islamic Perspective. *Journal of Islamic Studies and Thought for Specialized Researches (JISTSR)*, 6(1).
- Alonso, Elena Briones, Cockx, Lara & Swinnen, Johan F. M. 2017. Culture and Food Security. *LICOS Discussion Paper, No. 398*.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Sekuriti Makanan Dari Perspektif Syariah. *Jurnal Syariah* 17 (2).
- Beta Pujangga Mukti. Strategi Ketahanan Pangan Nabi Yusuf Studi Analisis Tentang Sistem Ketahanan Pangan Nabi Yusuf dalam al-Quran Surat Yusuf Ayat: 46-49. *TARJIH: Jurnal Tarjih dan Pengembangan Pemikiran Islam*, 16(1).
- Fakhrul Anwar Zainol & Chua Kim Aik. 2021. Food Value Chain, Sustainable Intensification and Food Security in Malaysia. *The Journal of Management Theory and Practice (JMTP)*, 2(2).
- FAO. 2006. Food Security. Policy Brief, 2. https://www.fao.org/fileadmin/templates/faoitally/documents/pdf/pdf_Food_Security_Cocpt_Note.pdf
- Fatimah Yusro Hashim, Qussiynur Yakin A.Y, Nur Syuhada M. N, Nayli Qisteena S, Wong S. Y, Ummi Rahimi F & Ng C. C. 2021. Tahap Kesedaran Terhadap Status Halal Premis Makanan di Malaysia. *International Conference on Syariah & Law*.
- Jinli Liu, Ruhai Bai, Zhonglin Chai, Mark E. Cooper, Paul Z. Zimmet & Lei Zhang. 2022. Low- and Middle-income Countries Demonstrate Rapid Growth of Type 2 Diabetes: An Analysis Based on Global Burden of Disease 1990-2019 Data. *Diabetologia*, 65.
- Judy F Burnham. 2006. Scopus Database: A Review. *Biomedical Digital Libraries*, 3(1).

- Khairul Anuwar Mustaffa, Joni Tamkin Borhan & Mohd Roslan Mohd Nor. 2017. Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia Sebagai Suatu Aplikasi Memenuhi Keperluan Konsep Halalan Tayyiban: Suatu Analisis. *Online Journal Reserach in Islamic Studies 4 (1)*.
- Khairul Effendi Hashim, Nasharuddin Mohammad, Rafeah Saidon & Muhammad Nazir Alias. 2022. Pensijilan Halal Malaysia Dalam Memenuhi Penjagaan Hifz Nafs dan Peranan Pengusaha. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 7(2).
- Lame, Guillaume. 2019. Systematic Literature Reviews: An Introduction. *International Conference on Engineering Design, ICED19*.
- Liberati, A., Altman, D.G., Tetzlaff, J., Mulrow, C., Gotzsche, P.C., Ioannidis, J.P.A., Clarke, M., Devereaux, P.J., Kleijnen, J. and Moher, D. 2009. The PRISMA Statement for Reporting Systematic Reviews and Meta-Analysis of Studies That Evaluate Health Care Interventions: Explanation and Elaboration. *PLOS Medicine*, 6(7).
- Mario Arturo Ruiz Estrada. 2021. The Role of National Food Security in a Massive Pandemic: The Case of Covid-19. *International Journal of Business and Society*, 22(1).
- Mohammad Amir Wan Harun. 2016. Model Halālan Ṭayyibā Berdasarkan Tafsiran Istilah Sarjana Mufasir al-Quran. *Sains Humanika 8: 3-2*.
- Mohd Amri Abdullah, Zalina Zakaria, Ahmad Hidayat Buang & Siti Zubaidah Ismail. 2021. Pensijilan Halal Di Malaysia: Suatu Analisis Pensejarahan Dan Perkembangannya. *Journal Of Shariah Law Research (JSLR)*.
- Muhammad Iqbal Haikal Samia'an & Kamarul Azmi Jasmi. 2022. Konsep Halal Dan Penjagaan Kualiti Produk Dalam Islam. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan 4 (1)*.
- Noorfazreen Mohd Aris & Asmak Ab Rahman. 2011. Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam. *Jurnal Syariah 19 (1)*.
- Norzuraida Hasan. 2018. *Bantuan Makanan Di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Islam*. (Tesis PhD) Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur (APIUM).
- Nurul Syahadah Mohamad Riza, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Farhan Md Ariffin & Nur Najwa Hanani Abd Rahman. 2022. Keselamatan Makanan: Kepentingan Kesedaran Pengguna Terhadap Halalan Tayyiban. *Al-Turath Journal of al-Quran and al-Sunnah*, 7(1).
- Owolade A., Abdullateef R., Adesola R. & Olaloye E. 2022. Malnutrition: An Underlying Health Condition Faced in Sub Saharan Africa: Challenges and Recommendations. *Annals of Medicine & Surgery*, 82.
- R. Tanzil Fawaiq Sayyaf & Ashfa Afkarina. 2022. Peningkatan Kesadaran Makanan Halal Melalui Pendampingan Fikih Halal dan Sosialisasi Self Declare Muhammadiyah. *Jurnal Aplikasi dan Inovasi Ipteks SOLIDITAS*, 5(1).
- Samsul Bahri, Musdawati & Raudhatul Jinan. 2020. Ketahanan Pangan dalam Al-Qur'an dan Aktualisasinya dalam Konteks Keindonesiaan Berdasarkan Penafsiran terhadap Surat Yusuf Ayat 47-49. *Tafse: Journal of Qur'anic Studies*, 5(2).
- Sazelin Arif & Safiah Sidek. 2015. Application of Halalan Tayyiban in the Standard Reference for Determining Application of Halalan Tayyiban in the Standard Reference for Determining Malaysian Halal Food. *Asian Social Science*, 11(17).
- Setiyawan Gunardi, Mohd Soberi Awang, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Mustafa 'Afifi Ab Halim & Muneer Ali Abdul Rab. 2022. Kawalan Perundangan Terhadap Pemakanan Halal di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(3).
- Simon, George-Andre'. 2012. Food Security: Definitions, Four Dimensions, History. <https://www.fao.org/fileadmin/templates/ERP/uni/F4D.pdf>

- Standards Malaysia. 2021. *MS 1500:2019 Makanan Halal – Keperluan Umum (Semakan Ketiga)*. Jabatan Standard Malaysia.
- Suhaila Nadzri, Salmy Edawati Yaacob & Siti Syuhada Ab Rahman. 2020. Pematuhan Piawaian Halal Dalam Industri Perkhidmatan Katering di Malaysia. *International Journal of Social Science Research*, 2(3).
- World Food Summit. 1996. Rome Declaration on World Food Security.
- Zahrul Akmal Damin & Ahmad Murtadha Mohamed. 2015. Kemampanan Sekuriti Makanan Dalam Era Perindustrian: Pengajaran Daripada Malaysia. *Journal of Techno-Social*, 7(1).